

14/06/1998

Hubungan dengan Anwar baik: Mahathir

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sekali lagi menolak andaian media asing kononnya hubungan beliau dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, tidak baik.

"Hubungan saya dengan Anwar masih baik. Sudah tentu orang luar terutama media asing suka membuktikan kononnya ada perbezaan di antara kami berdua dan sebagainya.

"Selain itu, ada kenyataan tertentu dianalisis dan dijadikan bukti kononnya ada perbezaan.

"Semua itu tidak benar, kami bersama dengan baik. Semestinya ada masalah tetapi kami bekerja bersama-sama," katanya selepas menghadiri pertemuan bersama ahli veteran Umno di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, kecenderungan media Barat meragui hubungan beliau dan Anwar juga sudah mula diikuti media tempatan.

"Nampaknya ada juga media tempatan yang seolah-olah mencerminkan penerimaan saranan yang dibuat media asing. Perkataan yang digunakan media asing nampaknya diambil dan digunakan seolah-olah ia suatu kebenaran," katanya.

Mengulas mengenai perkara yang mungkin dibangkitkan perwakilan Umno dalam perhimpunan agung parti itu minggu depan, beliau berkata:

"Saya tidak mahu meramal apa-apa. Perhimpunan agung Umno adalah sesuatu yang sukar diramalkan. Bagaimanapun, saya berharap semua yang terbaik sahaja," katanya.

(END)